

# **ROCHE - PERNYATAAN PRIVASI DALAM TALIAN**

Oktober 2019

Terima kasih kerana sudi datang ke salah satu laman web Roche (Malaysia) Sdn. Bhd. (“**Roche**”, “**kami**”) (“**Laman-laman Web**”) atau berinteraksi dengan kami.

Di Roche, kami faham bahawa perlindungan privasi setiap orang, termasuklah pengunjung ke Laman-laman Web kami, sangat penting dan bahawa maklumat tentang kesihatan anda khususnya sensitif. Itulah sebabnya kami mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menjaga privasi data sebagaimana yang diwajibkan oleh Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**PDPA**”) serta undang-undang, piawaian dan tataamalan lain yang berkenaan.

Pernyataan Privasi ini (“**Pernyataan**”) merangkumi semua maklumat peribadi (seperti yang ditakrifkan di bawah ini) yang dikutip daripada sumber dan saluran komunikasi dalam talian Roche yang lain (misalnya Laman-laman Web, e-mel, dan alat-alat dalam talian yang lain) yang memaparkan pautan ke Pernyataan ini.

Pernyataan ini tidak merangkumi sumber dalam talian pihak ketiga yang mungkin dipautkan oleh Laman Web Roche, yang tidak dimiliki mahupun dikawal kandungannya atau amalan privasinya oleh Roche. Kami sangat mengesyorkan agar anda berhubung terus dengan mereka untuk mendapatkan maklumat tentang dasar privasi mereka dan untuk membaca dasar privasi pihak ketiga itu dengan teliti sebelum menggunakan laman web pihak ketiga.

Kami hanya mengutip maklumat peribadi anda yang anda mahu berikan kepada kami sepanjang hubungan kita dan apabila kami menyampaikan produk dan/atau perkhidmatan kami kepada anda. Jika anda tidak mahu memberi kami maklumat peribadi yang tertentu, anda tidak akan dapat memperoleh dan/atau menggunakan produk dan/atau perkhidmatan yang berkenaan. Kami tidak akan memberikan maklumat peribadi anda kepada pihak ketiga kecuali telah dinyatakan sebaliknya di dalam Pernyataan ini ataupun jika anda dengan nyatanya mengizinkan kami berbuat demikian. Bacalah Pernyataan ini dengan teliti untuk mengetahui selanjutnya cara kami mengutip, menggunakan, mendedahkan dan melindungi maklumat anda.

## **Maklumat Yang Dikutip**

### **1. Maklumat Yang Kami Kutip Daripada Anda**

Anda boleh pergi ke Laman-laman Web kami tanpa memberikan sebarang maklumat peribadi. Kami mungkin mengutip maklumat peribadi anda hanya jika anda mahu memberikannya kepada kami sehubungan dengan promosi, kaji selidik, program bantuan atau sokongan pesakit, percubaan klinikal, atau program-program lain yang kami jalankan. Maklumat peribadi sedemikian mungkin merangkumi nama, alamat, nombor telefon, alamat e-mel, maklumat kesihatan, maklumat insurans dan/atau maklumat kewangan anda. Pemberi khidmat kesihatan (“**HCP**”) mungkin ingin mendedahkan maklumat yang berkenaan dengan bidang kepakarannya dan hubungan profesionalnya. Walau bagaimanapun, jika anda tidak mahu memberikan maklumat yang diminta itu, anda mungkin tidak dapat menggunakan dan/atau memperoleh beberapa produk dan/atau perkhidmatan kami.

### **2. Maklumat Yang Dikutip Secara Automatik**

Kami dan beberapa pembekal pihak ketiga yang bekerja dengan kami akan menerima beberapa jenis maklumat secara automatik, seperti alamat IP anda dan pergerakan anda sekitar Laman-laman Web kami, setiap kali anda berinteraksi dengan kami dalam talian, contohnya apabila anda

## **ROCHE - PERNYATAAN PRIVASI DALAM TALIAN**

Oktober 2019

datang ke Laman-laman Web kami dan berhubung dengan kami secara e-mel. Teknologi dan perkhidmatan automatik yang kami gunakan mungkin merangkumi, sebagai contoh, catatan pelayan Web / alamat IP, cookie, perisik Web, serta alat aplikasi dan alat kandungan pihak ketiga (“Alat-alat”).

**Catatan Pelayan Web / Alamat IP.** Alamat IP ialah nombor yang ditentukan bagi komputer anda setiap kali anda memasuki Internet. Di Internet, komputer dikenal pasti menggunakan alamat IP, yang memberarkan komputer dan pelayan mengenali dan berhubung dengan satu sama lain. Roche mengutip alamat IP untuk melakukan pentadbiran sistem dan melaporkan maklumat secara terkumpul kepada rakan-rakan sekutunya, rakan-rakan niaganya dan/atau pembekalnya supaya mereka dapat menganalisis dan mengkaji prestasi laman web.

**Cookie.** Cookie ialah secebis maklumat yang ditempatkan secara automatik pada pemacu keras komputer anda apabila anda memasuki laman web yang tertentu. Cookie mengenalkan pelayar anda secara unik kepada pelayan. Cookie membolehkan kami menyimpan maklumat pada pelayan supaya kami dapat menambah baik pengalaman anda menggunakan laman web yang berkenaan dan untuk menganalisis serta mengkaji prestasi laman web. Kebanyakan pelayar web ditetapkan supaya dapat menerima cookie, tetapi anda boleh menukar tetapan pelayar anda untuk menolak semua cookie ataupun untuk memberitahu anda apabila cookie dihantar. Walau bagaimanapun, harap maklum bahawa beberapa ruangan laman web kami mungkin tidak dapat digunakan dengan betul jika anda enggan menerima cookie.

**Perisik Web.** Di Laman Web atau di dalam e-mel yang tertentu, Roche mungkin menggunakan “perisik web” (juga disebut “penanda tindakan” atau “teknologi GIF jernih”), iaitu teknologi Internet yang lazim digunakan. Perisik web dapat menganalisis keberkesanan Laman-laman Web, contohnya dengan mengukur bilangan pengunjung ke situ ataupun bilangan pengunjung yang telah mengklik unsur-unsur penting di situ.

Alat-alat seperti ini tidak mengambil maklumat peribadi anda secara automatik. Setelah anda menyerahkan maklumat peribadi dengan rela, barulah teknologi penjejak automatik seperti ini boleh digunakan untuk memberikan maklumat tambahan tentang cara anda menggunakan Laman-laman Web dan e-mel interaktif tersebut supaya lebih berguna bagi anda.

Kami juga mungkin menyampaikan perkhidmatan berdasarkan aplikasi dan alat kandungan pihak ketiga di Laman-laman Web Roche yang tertentu, seperti Google Maps atau QUARTAL FLIFE. Pihak ketiga ini mungkin menerima beberapa jenis maklumat secara automatik setiap kali anda berinteraksi dengan kami di Laman-laman Web kami menggunakan aplikasi dan alat pihak ketiga tersebut.

### **3. Maklumat Daripada Pihak Ketiga**

Dari semasa ke semasa, kami mungkin menggunakan atau menambahkan maklumat peribadi anda yang ada di dalam pangkalan data kami dengan maklumat yang diperoleh daripada pihak-pihak ketiga. Antara lainnya, kami mungkin menggunakan maklumat pihak ketiga seperti itu untuk mendapatkan pengesahan tentang maklumat perhubungan atau maklumat kewangan anda. Jika anda HCP, kami mungkin menggunakanannya untuk menyemak kedudukan lesen anda. Di samping itu, kami mungkin menggunakan maklumat ini untuk memahami lagi minat anda setelah mengaitkan maklumat demografi dengan maklumat yang telah anda berikan.

# **ROCHE - PERNYATAAN PRIVASI DALAM TALIAN**

Oktober 2019

## **Pilihan Untuk Anda**

Anda diberi beberapa pilihan apabila anda menggunakan Laman-laman Web kami, iaitu:

1. Anda boleh mengambil keputusan tidak mahu memberikan maklumat peribadi langsung dan tidak menaipkan maklumat itu ke dalam mana-mana borang atau ruang data pada Laman-laman Web kami, serta tidak menggunakan mana-mana perkhidmatan yang diperbadikan;
2. Jika anda mengambil keputusan mahu memberikan maklumat peribadi, anda berhak mendapatkan, membetulkan atau memadamkan data anda pada bila-bila masa. Anda hanya perlu menghubungi kami menggunakan butir-butir perhubungan kami di bawah ini;
3. Laman-laman Web yang tertentu mungkin meminta izin anda untuk menggunakan maklumat anda dengan cara yang tertentu. Anda boleh mengizinkan penggunaan atau permintaan tersebut, ataupun tidak mengizinkannya;
4. Jika anda membuat pilihan mahu menggunakan perkhidmatan atau menerima bahan komunikasi yang tertentu, misalnya surat berita elektronik, anda boleh membatalkan langganan itu pada bila-bila masa mengikut arahan yang disertakan dengan setiap bahan komunikasi tersebut. Jika anda mengambil keputusan untuk membatalkan langganan sesuatu perkhidmatan atau komunikasi, kami akan cuba mengeluarkan maklumat anda dengan segera, tetapi kami mungkin memerlukan maklumat tambahan sebelum kami boleh memproses permintaan anda; atau
5. Seperti yang diterangkan tadi, jika anda ingin menghalang cookie menjelaki anda tanpa mengambil nama anda apabila anda bergerak sekitar Laman-laman web kami, anda boleh menukar tetapan pelayar anda untuk menolak semua cookie ataupun untuk memberitahu anda apabila cookie dihantar.

## **Pengawalan Keselamatan**

Roche menggunakan langkah waspada, peraturan serta prosedur teknologi dan keselamatan yang lain untuk melindungi maklumat peribadi anda supaya tidak diambil tanpa izin, tidak digunakan dengan cara yang tidak berpatutan, tidak didedahkan, tidak hilang dan tidak musnah (“**Kejadian Tanpa Izin**”). Untuk menjaga kerahsiaan maklumat anda, Roche juga menggunakan pengadang bertaraf industri dan pelindung kata laluan. Walau bagaimanapun, kami tidak dapat menjamin bahawa maklumat peribadi anda selamat sepenuhnya daripada Kejadian Tanpa Izin kerana tiada satu langkah pun yang 100% berkesan. Kami juga tidak menyatakan kepastutan, keberkesanannya atau kesesuaian langkah-langkah yang kami gunakan untuk melindungi maklumat tersebut.

Anda sendiri bertanggungjawab menjaga kerahsiaan kata laluan anda dan memastikan bahawa komputer yang anda gunakan itu dijamin keselamatannya dan dilindungi secukupnya daripada perisian jahat, seperti *trojan*, virus dan *worm*. Anda sedar bahawa tanpa langkah keselamatan yang memadai (contohnya konfigurasi pelayar web yang terjamin selamat, perisian antivirus yang kemas kini, perisian pengadang peribadi, tidak menggunakan perisian yang diperoleh daripada sumber yang dicurigai), terdapat risiko bahawa data dan kata laluan yang anda gunakan untuk menghalang pengambilan data anda boleh didedahkan kepada pihak ketiga yang tidak diberi

## **ROCHE - PERNYATAAN PRIVASI DALAM TALIAN**

Oktober 2019

kebenaran. Jika terdapat sebab yang membuatkan anda mengesyaki bahawa interaksi anda dengan kami tidak lagi selamat (contohnya anda merasakan bahawa akaun anda tidak lagi dilindungi), tolong beritahu kami dengan segera.

Roche akan menyimpan maklumat peribadi dengan seberapa lama yang diperlukan untuk melaksanakan tujuan maklumat itu dikutip. Tempoh penyimpanannya mungkin melebihi tempoh hubungan niaga kita tetapi hanya setakat yang perlu supaya dapat memberi kami maklumat yang mencukupi untuk bertindak menangani masalah yang mungkin timbul dan untuk mematuhi keperluan undang-undang yang dikenakan.

Roche sama ada akan memusnahkan, memadamkan atau mengeluarkan nama daripada maklumat yang tidak lagi diperlukan untuk menyimpannya dengan cara yang membuatkan maklumat itu tidak lagi boleh dikesan sebagai maklumat anda mahupun dikaitkan dengan anda.

### **Penggunaan Data**

Roche, termasuklah anak syarikat, bahagian dan kumpulan syarikat ini seluruh dunia (“**Kumpulan Roche**”) dan/atau syarikat-syarikat yang kami ambil khidmatnya untuk menyampaikan perkhidmatan bagi pihak kami mungkin menggunakan maklumat peribadi anda dengan cara yang berikut:

1. Menjawab pertanyaan dan memenuhi permintaan anda terhadap produk dan perkhidmatan kami;
2. Membolehkan kami berhubung dengan anda dari semasa ke semasa tentang, produk, jenama, tajuk kesihatan dan keadaan penyakit yang berkenaan, dan juga memperbaikkan komunikasi yang tertentu dengan anda tentang perkhidmatan dan promosi yang mungkin anda dapat berkenaan atau menarik;
3. Menyampaikan perkhidmatan dan sokongan kepada pelanggan;
4. Mengenali anda apabila anda datang ke Laman Web Roche melalui pautan dari luar;
5. Bekerjasama dengan pihak ketiga untuk menyampaikan produk dan/atau perkhidmatan kami kepada anda memandangkan Laman-laman Web Roche menawarkan pelbagai alat dan fungsi yang disediakan sama ada oleh Roche ataupun oleh pihak-pihak ketiga yang lain;
6. Membolehkan anda mengongsi kandungan Laman-laman Web kami dengan kawan atau rakan sekerja. Roche hanya akan menggunakan maklumat anda serta maklumat kawan atau rakan sekerja anda untuk menunaikan permintaan anda menghantar kandungan yang berkenaan kepada kawan atau rakan sekerja. Roche dan pihak-pihak ketiga yang berkait dengannya tidak akan mengutip atau menggunakan maklumat yang disebutkan tadi untuk tujuan tambahan;
7. Memenuhi tujuan Sumber Manusia yang lain (Pengurusan Prestasi, Keputusan Tentang Pelapis, atau Pembangunan Insan) supaya kami dapat memahami lagi keperluan anda dan cara menambah baik produk dan perkhidmatan kami.

## ROCHE - PERNYATAAN PRIVASI DALAM TALIAN

Oktober 2019

8. Mendapatkan pengesahan tentang hak anda mendapatkan dan menggunakan produk, perkhidmatan dan maklumat Roche yang tertentu;
9. Membolehkan kami menyampaikan produk dan perkhidmatan kami menurut syarat-syarat khas, jika ada, yang dinyatakan bagi program, aktiviti, percubaan klinikal, acara atau promosi istimewa Roche (“**Program**”) yang mungkin kami tawarkan pada Laman Web itu dari semasa ke semasa. Tolong baca syarat-syarat khas tersebut dengan teliti sebelum menyertai mana-mana Program ini kerana penyertaan anda mungkin melibatkan, antara lainnya, keperluan memproses atau mendedahkan maklumat peribadi anda kepada pihak ketiga.
10. Menunaikan kewajipan kami dari segi undang-undang atau peraturan, atau memenuhi keperluan ketelusan, termasuklah yang berkenaan dengan aktiviti Roche seluruh dunia; dan/atau
11. Mengeluarkan pengenalan diri daripada maklumat yang diberikan dan menyimpannya dalam bentuk terkumpul untuk pelbagai tujuan perniagaan, termasuklah untuk tujuan menghasilkan dan/atau menambah baik produk dan perkhidmatan kami.

Jika anda HCP, tujuan tambahan yang berikut mungkin berkenaan dengan anda:

1. Maklumat peribadi anda mungkin digunakan sehubungan dengan penajaan kehadiran dan pendaftaran anda, jika ada, oleh Roche dalam apa-apa acara yang dianjurkan oleh Roche dan/atau oleh pihak ketiga.
2. Maklumat peribadi anda mungkin digunakan sehubungan dengan penglibatan anda sebagai penceramah, sama ada yang mungkin akan berlaku ataupun yang sebenarnya telah berlaku, bagi apa-apa acara yang dianjurkan oleh Roche dan/atau oleh pihak ketiga.
3. Maklumat peribadi anda mungkin digunakan sehubungan dengan kejadian buruk yang anda laporkan, jika ada, ataupun yang mungkin melibatkan anda atau membimbangkan anda;
4. Maklumat peribadi anda mungkin digunakan apabila Roche menilai, memproses dan/atau meluluskan permohonan atau penerimaan anda, bagi bantuan kewangan, jika ada, untuk kajian penyelidikan yang dimulakan oleh penyelidik, dan untuk tujuan-tujuan yang berkaitan dengannya; dan/atau
5. Maklumat peribadi anda mungkin digunakan sehubungan dengan penyertaan anda sebagai penyelidik dalam percubaan klinikal Roche yang lepas, yang sedang berterusan atau yang akan datang.

Jika anda pesakit, tujuan tambahan yang berikut mungkin berkenaan dengan anda:

1. Maklumat peribadi anda mungkin digunakan untuk membuat laporan tentang keselamatan produk dan aduan tentang produk, termasuklah laporan tentang kejadian buruk akibat menggunakan sesuatu ubat;

## **ROCHE - PERNYATAAN PRIVASI DALAM TALIAN**

Oktober 2019

2. Maklumat peribadi anda mungkin digunakan untuk mengendalikan komunikasi yang anda hantar, ataupun yang dihantar oleh doktor yang merawat anda atau orang lain bagi pihak anda, kepada Roche;
3. Maklumat peribadi anda mungkin digunakan untuk menyampaikan maklumat tentang kesihatan dan pemakanan;
4. Maklumat peribadi anda mungkin digunakan untuk melaksanakan program bantuan pesakit;
5. Maklumat peribadi anda mungkin digunakan untuk melaksanakan program pendidikan kesihatan; dan/atau
6. Maklumat peribadi anda mungkin digunakan untuk menyediakan bahan pendidikan kesihatan.

### **Perkongsian Dan Pemindahan Data**

Roche mungkin mendedahkan maklumat peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang berikut:

1. Kami mungkin mendedahkan maklumat peribadi anda kepada pelbagai syarikat atau ejen pihak ketiga yang menyampaikan perkhidmatan bagi pihak kami, dan kami mungkin akan berusaha sama dengan syarikat dan ejen lain berhubung dengan produk atau perkhidmatan yang khusus ("**Pemberi Khidmat**"). Pemberi Khidmat sedemikian menyampaikan khidmat penyelenggaraan teknologi ataupun bekerja bagi pihak kami untuk melaksanakan transaksi perniagaan, misalnya menyampaikan khidmat kepada pelanggan dan menghantar bahan pemasaran tentang produk, perkhidmatan dan tawaran kami. Pemberi Khidmat sedemikian juga mungkin mengutip maklumat bagi pihak kami di Laman-laman Web kami. Pemberi Khidmat ini dikehendaki mematuhi syarat-syarat dasar privasi kami dan tidak dibenarkan menggunakan maklumat peribadi anda kecuali bagi pihak kami, tertakluk kepada kontrak-kontrak yang melindungi kerahsiaan maklumat tersebut.
2. Kami mungkin mendedahkan maklumat peribadi anda kepada anak syarikat dan syarikat sekutu kami, yang dikehendaki mematuhi syarat-syarat dasar privasi kami.
3. Kami mungkin mendedahkan maklumat peribadi anda sehubungan dengan penjualan, penyerahan hak atau pemindahan perniagaan Laman Web yang berkait dengan maklumat peribadi tersebut;
4. Kami mungkin mendedahkan maklumat peribadi anda untuk memenuhi permintaan yang berpatutan daripada agensi-agensi kerajaan yang sahih, ataupun jika diwajibkan oleh undang-undang, perintah mahkamah atau peraturan kerajaan yang dikenakan;
5. Kami mungkin mendedahkan maklumat peribadi anda jika diperlukan untuk menjalankan audit korporat, ataupun untuk menyiasat atau bertindak menangani sesuatu aduan atau ancaman terhadap keselamatan; atau
6. Kami mungkin mendedahkan maklumat peribadi anda dalam bentuk terkumpul ataupun tanpa pengenal diri kepada pihak ketiga.

# **ROCHE - PERNYATAAN PRIVASI DALAM TALIAN**

Oktober 2019

## **Kegunaan Pemasaran Langsung Oleh Pihak Ketiga Tidak Dibenarkan**

Kami tidak akan menjual ataupun memindahkan maklumat peribadi anda dengan cara lain kepada mana-mana pihak ketiga untuk kegunaan pemasaran langsung mereka sendiri, kecuali kami memberi anda notis yang jelas dan mendapat izin anda yang nyata bahawa anda membenarkan data anda dikongsi dengan cara begini.

## **Pemindahan Data Ke Luar Malaysia**

Maklumat peribadi anda mungkin dipindahkan, diambil, disimpan atau diproses di dalam bidang-bidang kuasa yang lain, misalnya di Amerika Syarikat, yang menggunakan undang-undang perlindungan data yang berbeza dengan undang-undang yang digunakan di Malaysia. Dalam keadaan sedemikian, kami akan mengendalikan maklumat peribadi anda menurut Dasar Privasi ini dan memastikan bahawa pemproses data mematuhi undang-undang privasi data yang dikenakan.

## **Google Analytics**

Laman-laman Web Roche mungkin menggunakan Google Analytics, iaitu khidmat menganalisis web yang disediakan oleh Google, Inc. ("**Google**"). Google Analytics menggunakan cookie untuk membantu laman web menganalisis cara pengguna menggunakan laman web. Maklumat yang dihasilkan oleh cookie tersebut mengenai cara anda menggunakan laman web itu (termasuklah alamat IP anda) akan dihantar kepada Google dan disimpan oleh Google pada pelayan di Amerika Syarikat. Google akan menggunakan maklumat ini untuk tujuan menilai cara anda menggunakan laman web tersebut, menyusun laporan tentang aktiviti laman web untuk pengendali laman web, dan menyampaikan perkhidmatan lain yang berkait dengan aktiviti laman web dan penggunaan Internet. Google juga mungkin memindahkan maklumat ini kepada pihak ketiga jika diwajibkan berbuat demikian oleh undang-undang, ataupun jika pihak ketiga yang berkenaan memproses maklumat tersebut bagi pihak Google. Google tidak akan mengaitkan alamat IP anda dengan mana-mana data lain yang disimpan oleh Google. Anda boleh menolak penggunaan cookie. Anda hanya perlu memilih tetapan yang betul pada pelayar anda. Walau bagaimanapun, seperti yang disebutkan tadi, harap maklum bahawa jika anda berbuat demikian, anda mungkin tidak dapat menggunakan semua ciri yang ada pada sesuatu Laman Web Roche. Jika anda menggunakan Laman Web Roche, anda membenarkan data tentang anda diproses oleh Google dengan cara dan untuk tujuan yang dinyatakan tadi.

## **Pautan Ke Laman Web Lain**

Laman-laman Web kami mungkin mengandungi pautan ke beberapa laman web pihak ketiga yang menawarkan maklumat yang berguna untuk para pengunjung kami. Kami tidak memiliki mahupun mengawal laman web atau kandungan pihak ketiga sedemikian dan oleh itu, Pernyataan Privasi ini tidak berkenaan dengan laman-laman web tersebut. Kami sangat mengesyorkan agar anda berhubung terus dengan mereka untuk mendapatkan maklumat tentang dasar privasi mereka dan untuk membaca dasar privasi pihak ketiga itu dengan teliti sebelum menggunakan laman web pihak ketiga.

# **ROCHE - PERNYATAAN PRIVASI DALAM TALIAN**

Oktober 2019

## **Pernyataan Privasi Untuk Kanak-kanak**

Laman-laman Web dimaksudkan untuk kegunaan orang dewasa. Kami tidak akan sengaja mengutip maklumat peribadi daripada sesiapa pun yang belum mencapai usia 13 tahun tanpa mendapatkan izin terlebih dahulu daripada wakilnya yang sah di sisi undang-undang. Wakil yang sah di sisi undang-undang itu berhak, atas permintaannya, mendapatkan maklumat yang diberikan oleh kanak-kanak tersebut dan/atau memohon agar maklumat itu dipinda atau dihapuskan.

## **Maklumat Tambahan Pada Laman Web**

Jika sesuatu Laman Web mengandungi peruntukan yang khusus tentang privasi yang berbeza dengan apa yang dinyatakan di sini, maka peruntukan itu akan diberitahu kepada anda pada halaman yang digunakan untuk mengutip maklumat peribadi.

## **Makluman Untuk Pengguna Laman Web Perniagaan Atau Profesional**

Jika anda ada hubungan perniagaan atau profesional dengan Roche, kami mungkin menggunakan maklumat yang anda serahkan melalui Laman-laman Web kami, termasuklah Laman-laman Web yang dimaksudkan khususnya untuk kegunaan pengguna perniagaan dan profesional, bagi memenuhi permintaan anda dan mengukuhkan hubungan perniagaan kami dengan anda dan dengan entiti-entiti yang anda wakili. Kami juga mungkin menyerahkan maklumat itu kepada pihak-pihak ketiga yang bertindak bagi pihak kami.

## **Pengemaskinian**

Dari semasa ke semasa, Roche mungkin menyemak semula Pernyataan Privasi dalam talian ini. Perubahan yang dibuat pada Pernyataan Privasi ini berkuat kuasa sebaik sahaja Pernyataan Privasi yang dipinda disiarkan, dan akan dipaparkan dengan segera pada halaman ini. Jika anda terus menggunakan Laman-laman Web kami setelah menerima notis perubahan di dalam Pernyataan Privasi kami, ini menandakan bahawa anda membenarkan maklumat yang baru anda serahkan itu digunakan menurut Pernyataan Privasi yang dipinda. Sebaik-baiknya, bacalah halaman ini dari semasa ke semasa untuk mendapatkan maklumat terkini tentang amalan privasi kami. Pernyataan Privasi ini dikemaskinikan pada, dan berkuat kuasa mulai 15 Februari 2014.

Sila klik pautan di bawah ini untuk mendapatkan Notis PDPA ini dalam bentuk dwibahasa:  
Notis PDPA dalam bahasa Inggeris

## **ROCHE - PERNYATAAN PRIVASI DALAM TALIAN**

Oktober 2019

### **Hubungi Kami**

Untuk bertanya, memberi komen, membuat permintaan atau melahirkan keraguan yang berkait dengan Pernyataan ini, pengendalian maklumat di Laman Web ini atau maklumat peribadi anda, ataupun jika anda mahukan Roche meminda atau menghapuskan profil anda, ataupun jika anda ingin mengecualikan diri daripada senarai penerima bahan komunikasi yang akan datang atau mengehadkan pemprosesan maklumat peribadi anda dengan cara yang lain, sila hubungi kami menggunakan butir-butir yang berikut:

Jawatan : Legal Counsel

Nombor telefon: +60 3 7628 5600

Nombor faks : +60 3 5036 7740

Alamat e-mel : [malaysia.pharma@roche.com](mailto:malaysia.pharma@roche.com)

Alamat : Roche (Malaysia) Sdn Bhd, Aras 21, The Pinnacle, Persiaran Lagoon, Bandar Sunway, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.